



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/8/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	PERHILITAN			

Zoo Melaka perlu struktur semula jika masih tidak dapat beroperasi

Sinar, 11 Ogos 2021_26

MELAKA - Zoo Melaka perlu menjalani penstrukturan semula sekiranya destinasi pelancongan dan pusat konservasi haiwan itu tidak dapat beroperasi sehingga akhir tahun ini ekoran Covid-19.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman berkata, penstrukturan semula melibatkan beberapa kaedah atau usaha yang akan dilaksanakan termasuk penswastaaan sepenuhnya zoo itu atau memulangkan

haiwan dalam penjagaan pusat tersebut kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Beliau berkata, bagaimanapun kajian bagi keperluan pelaksanaan langkah itu akan dilakukan pada November depan demi memastikan kebajikan kira-kira 525 haiwan daripada 250 spesies di zoo berkenaan terjamin.

"Ia merupakan fasa yang amat mencabar bagi MPHTJ dan juga pengurusan Zoo Melaka kerana

dalam tempoh dua tahun penularan Covid-19, zoo tersebut hanya dapat beroperasi selama enam bulan sahaja pada tahun lalu.

"Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan tahun lalu, kos pengoperasian Zoo Melaka dapat ditampung menerusi jualan tiket tetapi apabila tidak boleh beroperasi, tiada pendapatan dapat dijana," katanya pada Selasa.

Beliau berkata, situasi itu secara tidak langsung turut memberi impak kepada MPHTJ dari aspek penyediaan peruntukan bulanan untuk zoo berkenaan kerana pihak berkuasa tempatan itu turut terjejas akibat Covid-19.

Katanya, sebelum penularan Covid-19, Zoo Melaka memerlukan perbelanjaan RM1 juta sebulan bagi menampung kos keseluruhan operasi termasuk kebajikan dan kesihatan haiwan, gaji pekerja serta utiliti pusat berkenaan namun jumlah itu berjaya dikurangkan kepada RM650,000 sebulan dalam tempoh PKP. - *Bernama*



Zoo Melaka perlu menjalani penstrukturan semula sekiranya destinasi pelancongan dan pusat konservasi haiwan itu tidak dapat beroperasi sehingga akhir tahun ini ekoran penularan Covid-19.

